

24/04/2001

Tambah rumah kos rendah bukti kerajaan prihatin

KUALA LUMPUR, Isnin - Pelbagai pihak menyambut baik usaha kerajaan untuk membina lebih banyak rumah kos rendah dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8).

Setiausaha Agung Persatuan Pembeli Perumahan (HBA), Chang Kim Loong, berkata rancangan kerajaan itu seperti yang dinyatakan dalam RM-8 menunjukkan kerajaan mengambil berat masalah perumahan yang dihadapi golongan berpendapatan rendah.

Beliau berkata, pembinaan lebih banyak rumah kos rendah juga akan menggalakkan penghuni setinggan berpindah ke kawasan perumahan kos rendah yang disediakan.

"Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk menggalakkan setiap orang ramai memiliki rumah bagi memberi perlindungan kepada keluarga masing-masing. Bagaimanapun, biarlah rumah yang disediakan itu pada harga yang mampu dimiliki dan berpatutan untuk golongan yang berpendapatan rendah," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas program-program yang dirancang dalam RM-8 seperti yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Parlimen, hari ini.

Dr Mahathir ketika membentangkan RM-8 berkata, sektor awam dijangka membina 312,000 unit rumah dengan 66.7 peratus daripadanya adalah rumah kos rendah dalam tempoh RM-8.

Sementara itu, Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Kebangsaan (Fomca), Prof Hamdan Adnan, berkata usaha kerajaan untuk menangani masalah kekurangan rumah kos rendah itu sebagai langkah yang wajar.

Beliau berkata, kerajaan perlu menumpukan projek perumahan kos rendah kerana kebanyakan rakyat negara yang berpendapatan rendah amat memerlukan rumah berkenaan.

(END)